

**Henti Keluarkan Visa Tidak Jejas Kemasukan Penuntut Asing - Khaled Nordin
Bernama
28 Februari , 2012**

SERDANG, 28 Feb (Bernama)-- Keputusan Kementerian Pengajian Tinggi menghentikan pengeluaran visa ketibaan dan pas lawatan sosial kepada penuntut asing tidak menjejaskan kemasukan mereka ke negara ini.

Menterinya Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin berkata sebagai hub pendidikan yang menawarkan pengajian dengan kos rendah di rantau ini, Malaysia tetap menjadi pilihan penuntut asing yang tulen.

"Pelajar asing ingin belajar di negara kita, dia boleh tengok dalam laman web seperti mana pelajar di negara ini memohon untuk belajar di negara lain," katanya kepada pemberita, di sini pada Selasa.

Selain itu katanya, mereka juga boleh mendapatkan maklumat daripada rakan yang pernah menuntut di negara ini.

Kerajaan baru-baru ini memutuskan hanya akan mengeluarkan visa pelajar kepada penuntut asing selepas mereka menerima tawaran dari institusi pengajian tinggi awam dan swasta kelolaan kementerian.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=648609>